



## **SIARAN MEDIA**

**Untuk Siaran Segera  
12 Ogos 2021**

### **PNB MENGALU-ALUKAN INISIATIF PERKUKUH**

**KUALA LUMPUR, 12 Ogos 2021** - Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengalu-alukan dan menyokong penuh pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai inisiatif PERKUKUH, yang bertujuan meningkatkan prestasi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) di samping mempersiapkan GLIC untuk mendepani cabaran masa hadapan dengan tadbir urus, keupayaan dan strategi terbaik dalam kelasnya.

Pengumuman ini memperkukuhkan lagi perbezaan antara GLIC sebagai Pelabur Institusi dan Dana Kekayaan Berdaulat, memberikan kejelasan yang lebih terperinci mengenai peranan dan fungsi berbeza yang dijalankan oleh setiap GLIC, selain meningkatkan fokus organisasi dalam mendukung mandat khusus untuk pihak berkepentingan masing-masing.

PNB juga menyokong penuh cadangan mempersiapkan GLIC untuk mendepani cabaran masa hadapan.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria berkata, “Sebagai pemegang saham dan pengawas kepada banyak syarikat Malaysia, PNB akan memperuntukkan sumber yang besar untuk ESG (alam sekitar, sosial, tadbir urus) bagi memastikan portfolio pelaburan kami beralih ke arah model dan amalan perniagaan mampan. Pada pandangan kami, pulangan mampan jangka panjang hanya boleh diperoleh daripada amalan lestari.”

“Insya-Allah, kolaborasi sinergi semua GLIC akan membawa impak positif ke atas pasaran modal dan ekonomi negara. Kami di PNB tetap komited untuk terus mendukung mandat kami untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat

Malaysia, dengan memastikan pelaburan kami menjana pulangan mampan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada seluruh negara,” tambahnya lagi.

- *Tamat* –

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**